

39

Penggunaan Teknik Menceritakan Semula Dalam Memahami Kandungan Teks Naratif

Sekolah Rendah Si Ling



Melati Hallel

melati_hallel@schools.gov.sg

Abstrak

Murid Darjah 4 didapati mengalami masalah menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif serta soalan bagi bahagian interaksi penulisan. Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana murid dapat meningkatkan kebolehan mereka memahami teks kefahaman sekali gus membolehkan mereka menjawab soalan-soalan yang diberi. Teknik Menceritakan Semula teks naratif yang dibaca membantu murid-murid mengingat kembali apa yang telah mereka baca tanpa merujuk pada teks yang diberikan. Secara tidak langsung, murid memberi tumpuan yang lebih ketika membaca. Teknik ini membantu murid mengenal pasti isi-isi penting sekali gus membantu mereka memeta penyusun grafik yang disediakan. Melalui strategi ini, murid berpeluang menilai keupayaan mereka menjawab soalan-soalan kefahaman yang diberikan.

Kata Kunci: menceritakan semula, kefahaman subjektif, peta minda, anotasi


PENGENALAN

Kemahiran membaca dan memahami teks yang dibaca ialah kemahiran penting yang harus dimiliki oleh setiap murid. Kebolehan memahami bahan yang dibaca akan membantu murid dalam memberikan respons yang wajar semasa menjawab soalan-soalan kefahaman. Penelitian awal ke atas kelakonan murid-murid ini mendapati sebahagian besar daripada mereka gagal menunjukkan pencapaian yang baik dalam komponen kefahaman. Murid secara umumnya menghadapi kesukaran memahami isi cerita yang terdapat dalam teks, yang merupakan satu keperluan asas dalam kefahaman. Murid perlu memahami teks petikan yang dibaca. Sekiranya murid tidak memahami apa yang dibaca, murid tidak boleh dikatakan memiliki pemahaman membaca yang baik. Murid perlu memahami keseluruhan cerita serta mengenal pasti isi-isi utama dalam sesebuah teks supaya mereka dapat menjawab soalan-soalan kefahaman dengan baik. Kelemahan memahami isi teks yang dibaca ini akan menjejaskan jawapan-jawapan murid yang sering kali menjadi penyebab kegagalan murid mendapat markah yang baik bagi komponen kefahaman.

Kajian ini dijalankan bagi membantu murid meningkatkan kelakonan mereka dalam komponen kefahaman subjektif, khususnya. Penggunaan penyusun grafik memudahkan murid memeta isi-isi penting yang telah mereka kenal pasti serta jawapan-jawapan yang tepat bagi soalan-soalan kefahaman yang diajukan.

PERNYATAAN MASALAH

Penguasaan bahasa yang lemah dan pemahaman kosa kata murid yang terhad merupakan punca komponen kefahaman subjektif tidak digemari oleh murid-murid. Murid mendapati sukar untuk memahami teks dengan baik, gagal mengenal pasti idea-idea utama serta tidak mampu memahami soalan-soalan kefahaman yang diajukan. Akibatnya, murid gagal memperoleh markah yang cemerlang. Laporan Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah telah menunjukkan data-data kelakonan murid yang menduduki peperiksaan tersebut memperlihatkan kelemahan murid dalam komponen tersebut. Maklumat yang diperolehi membantu guru menggunakan strategi yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman subjektif. Pada masa yang sama, murid menyedari akan pentingnya untuk memperbaiki jawapan bagi soalan-soalan kefahaman subjektif.



Oleh sebab 25% diperuntukkan bagi komponen kefahaman subjektif, masalah murid yang lemah dalam komponen ini harus ditangani secepat mungkin. Bagi membantu murid mengatasi kegagalan dalam menjawab dengan tepat untuk komponen ini, penggunaan Teknik Menceritakan Semula telah diperkenalkan kepada murid bagi membantu mereka memahami teks naratif yang dibaca.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keupayaan murid menceritakan semula secara lisan teks naratif yang telah dibaca;
2. melihat keupayaan murid memeta dan menjawab soalan-soalan pemahaman dengan penggunaan penyusun grafik; dan
3. menilai keberkesanan penyusun grafik dalam membina kefahaman dan kemahiran murid mengenal pasti isi-isi utama teks yang dibaca setelah melakukan aktiviti anotasi.

KAJIAN LEPAS

Menurut Lu-Fang Lin (2010), teknik 'Ber cerita Semula' membenarkan pembaca menyusun semula fakta cerita yang dibaca dan kemudian mampu menghubungkait pertalian dari satu perenggan ke satu perenggan. Oleh yang demikian, teknik Menceritakan Semula Dalam Teks Naratif memberi peluang murid melatih minda untuk mengingat fakta serta jalan cerita teks naratif yang telah dibaca sekali gus meningkatkan pemahaman murid terhadap teks tersebut.

Blachowicz dan Olge (2008) pula menyatakan bahawa murid-murid mudah terlupa isi petikan kefahaman jika mereka tidak memahami petikan tersebut dengan lebih mendalam. Aktiviti Pemetaan Cerita yang dijalankan dapat membantu murid untuk lebih fokus terhadap petikan yang telah dibaca supaya mengingati dan memahami sesebuah jalan cerita secara kronologi.

Gambrell (1985) pula menegaskan bahawa teknik 'Ber cerita Semula' berupaya membantu pembaca untuk memberi perhatian kepada keadaan semula jadi cerita yang holistik hingga membentuk rangka petikan kefahaman dan penerangan. Teknik ini juga berupaya memberi peluang kepada pembaca untuk memproses butiran secara lisan dengan urutan dan pemahaman.

Sehubungan itu, Coburn (2003) mendefinisikan penyusun grafik sebagai rajah yang mewakili hubungan antara fakta, idea, dan konsep serta hadir dalam pelbagai bentuk. Pemetaan Cerita dengan bantuan penyusun grafik yang dilakukan oleh murid bertujuan membantu murid untuk melihat jalan cerita mahupun isi-isi utama dengan lebih jelas lagi. Memandangkan ciri penyusun grafik sangat fleksibel, ia mudah disesuaikan untuk tujuan yang berbeza dan membolehkan murid mengenal pasti corak organisasi yang berbeza dan menjalin hubungan antara konsep dan idea.

Keupayaan untuk menjalin hubungan di sebalik konsep penyusun grafik didasarkan pada teori pemrosesan kognitif yang disebut kognitivisme. Teori ini memberi fokus pada “peningkatan kekuatan hubungan antara rangsangan dan tindak balas daripada penyimpangan ‘peraturan’ yang disimpulkan atau pada penyusunan semula”. Oleh itu, pengukuhan persatuan ini merupakan teras proses pembelajaran dari sudut koneksi (Ghaemi dan Fakhraee, 2011).


Penyusun grafik juga menekankan konsep dan hubungannya, yang membolehkan murid memberi tumpuan kepada maklumat yang paling penting untuk mencapai pemahaman keseluruhan teks. Apabila murid dapat menghubungkan apa yang telah dia baca dengan pengetahuan sebelumnya dan mengenal pasti hubungan antara kedua-dua kumpulan maklumat, maka penyusun grafik berjaya membantu dalam proses pembelajaran.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini melibatkan penggabung jalinan beberapa teknik dan kemahiran. Murid-murid perlu menerapkan kemahiran bertutur, membaca dan mendengar dalam menjalankan aktiviti yang diberikan. Selain itu, teknik anotasi yang telah murid-murid pelajari sebelum ini digunakan bagi memeta penyusun grafik yang disediakan. Kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif ini memperoleh data daripada pencapaian peperiksaan akhir tahun murid. Pencapaian akhir tahun telah dibandingkan dengan pencapaian latihan kefahaman sebelum intervensi dijalankan.

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 40 orang murid Darjah 4 Bahasa Melayu. Kumpulan murid ini terdiri daripada pelbagai aras kebolehan, iaitu pada aras kebolehan (MP), dan praaras kebolehan (LP). Tiada kumpulan kawalan digunakan. Secara



umum, tahap kemahiran pemahaman murid agak sederhana. Sebelum kajian ini dijalankan, murid sudah dilengkapi dengan pengetahuan serta keupayaan menganotasi teks kefahaman naratif.

Instrumen Kajian

Dalam menjalankan pengajaran kefahaman, kajian ini telah menggabungkan beberapa teknik dan kemahiran. Pendekatan Pengajaran Pembezaan telah dilakukan. Dalam pendekatan ini aktiviti yang berbeza telah disediakan untuk dua kumpulan aras yang berbeza dengan tujuan untuk meningkatkan pemahaman murid. Beberapa aktiviti telah dikenal pasti dan dirancang untuk mengukuhkan proses pembelajaran murid.

Selain itu, murid menerapkan teknik anotasi teks naratif dan perlu memeta penyusun grafik, khususnya memeta cerita dengan berpandukan teknik kata tanya, iaitu Apa, Siapa, Bila, Di mana, Bagaimana dan Mengapa (AsiBiDiBaM).

Soalan Kefahaman berbentuk soalan terbuka telah diberikan kepada murid. Markah Praujian dan Pascaujian akan dibandingkan dan digunakan bagi menilai keberkesanan teknik yang dijalankan.

Prosedur Kajian

Prosedur dalam kajian ini dijalankan secara berperingkat. Pada peringkat pertama, guru mengaktifkan minat murid dengan menayangkan enam perkataan yang disusun dari nombor satu hingga enam melalui slaid powerpoint. Perkataan-perkataan tersebut berkaitan dengan tema teks. Murid diberi dua minit untuk mengingat perkataan-perkataan tersebut. Murid kemudian diminta menyebut semula perkataan-perkataan tersebut secara kronologi. Aktiviti ini secara tidak langsung mendedahkan murid kepada teknik Menceritakan Semula.

Pada peringkat kedua, murid diberikan petikan kefahaman dan diminta untuk membaca secara senyap. Setelah itu, tanpa melihat petikan, murid, secara berpasangan, menceritakan semula kepada pasangan masing-masing. Tujuannya adalah untuk memberi keyakinan kepada murid akan kemampuan mereka mengingat semula teks petikan tersebut secara kronologi sekali gus melihat sejauh mana mereka memahami teks tersebut.

Pada peringkat ketiga, murid diperkenalkan dengan teknik Pemetaan Cerita. Murid perlu memeta cerita dengan menggunakan penyusun grafik yang disertakan dengan teknik kata tanya AsiBiDiBaM bagi membantu murid memeta cerita secara kronologi. Guru akan menyemak bersama murid hasil kerja murid memeta cerita. Jika terdapat kesilapan, murid dibenarkan untuk membetulkan kesilapan tersebut.

Pada peringkat seterusnya, murid-murid melakukan aktiviti yang dilakarkan khas untuk murid pada aras kebolehan dan praaras kebolehan. Bagi kumpulan murid yang berada pada aras kebolehan, mereka dikehendaki mengenalpasti kesilapan yang terdapat dalam aktiviti yang diberikan. Sepuluh kesilapan harus dikenal pasti dan murid dikehendaki untuk membetulkan kesilapan-kesilapan tersebut. Bagi kumpulan murid praaras kebolehan, murid perlu menyusun semula cerita mengikut kronologi. Kedua-dua aktiviti ini merupakan aktiviti yang berbeza, namun mempunyai matlamat yang sama iaitu meningkatkan pemahaman murid dan mengingat semula cerita yang sudah dibaca.

Akhir sekali, murid dikehendaki menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif yang telah disediakan oleh guru secara sendiri.


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membentangkan analisis dapatan kajian secara kuantitatif.

Jadual 1: Pencapaian Murid Berdasarkan Praujian dan Pascaujian

Item	Jumlah Murid Yang Menunjukkan Kemajuan		Perbezaan Jumlah Murid yang Menunjukkan Kemajuan
	Praujian	Pascaujian	
Julat Makah			
Markah 8-10	2	18	16
Markah 5-7	18	16	-2
Markah 0-4	20	6	14

Berdasarkan pencapaian keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa 34 orang murid menunjukkan kemajuan dengan memperoleh antara 5-10 markah bagi kertas pascaujian. Namun, perbezaan jumlah murid yang mencapai kejayaan hanyalah 18 murid tetapi tidak bererti 16 murid telah gagal. Ini jelas menunjukkan bahawa teknik menceritakan semula beserta pemetaan



penggunaan penyusun grafik yang diajarkan telah berjaya meningkatkan prestasi murid-murid dalam menjawab soalan-soalan kefahaman.

Jadual 2 dan 3 memperlihatkan peratusan murid yang lulus dalam praujian dan pascaujian.

Jadual 2: Taburan Markah Praujian

Julat Markah	10 – 8	7 – 5	4 – 0
Bilangan Murid	2	18	20
Peratusan	5%	45%	50%

Jadual 3: Taburan Markah Pascaujian

Julat Markah	10 – 8	7 – 5	4 – 0
Bilangan Murid	18	16	6
Peratusan	45%	40%	15%

Jadual 3 menunjukkan bahawa 85%, iaitu 34 orang murid telah berjaya menjawab soalan-soalan kefahaman dengan baik ketika dijalankan pascaujian berbanding dengan 50%, iaitu 20 orang murid yang lulus dalam praujian. Jumlah murid yang berada pada julat 8-10 markah juga meningkat ke 16 orang dalam pascaujian berbanding dengan 2 orang murid sahaja dalam praujian. Namun demikian, bilangan murid yang berada pada julat 4-0 berkurangan sebanyak 14 orang murid. Terdapat 4 orang murid yang telah gagal untuk mendapatkan peningkatan markah. Kemungkinan perkara ini berlaku akibat beberapa faktor seperti masalah kedatangan sekolah dan tahap penguasaan bahasa Melayu yang lemah.

Secara purata, teknik Menceritakan Semula Teks Naratif yang dijalankan menunjukkan bahawa murid mampu memahami kehendak soalan. Teknik Pengajaran Pembezaan yang membezakan proses bagi meningkatkan pemahaman murid juga memainkan peranan yang penting kerana memberi peluang murid melakukan aktiviti bersesuaian dengan keupayaan mereka. Walaupun, pada akhirnya, semua murid perlu menjawab soalan-soalan kefahaman yang sama, mereka berjaya memberi jawapan yang baik dan menghasilkan keputusan yang positif.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan dengan harapan untuk mengasah kebolehan murid menceritakan semula teks naratif yang telah dibaca sekali gus memahamkan teks bagi meningkatkan pemahaman murid terhadap teks kefahaman subjektif. Teknik yang digunakan serta aktiviti yang dilakarkan untuk murid yang berbeza aras kebolehan bertujuan untuk melibatkan pembelajaran semua murid dan membantu menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif dengan tepat.

Penggunaan Teknik Menceritakan Semula yang disokong dengan pemetaan penyusun grafik Peta Cerita telah dapat membantu murid memahami teks naratif yang diberikan. Pemetaan penyusun grafik yang disediakan membantu murid-murid memahami urutan sesebuah cerita. Namun, kemahiran murid menjawab soalan-soalan kefahaman masih boleh dipertingkatkan lagi. Langkah selanjutnya, adalah perlu untuk kajian diteruskan dengan memberi tumpuan untuk meningkatkan prestasi murid menjawab soalan-soalan kefahaman yang memerlukan pemikiran aras tinggi pula.

RUJUKAN

- Harlow, H. F. (1983). Fundamentals for preparing psychology journal articles. *Journal of Comparative and Physiological Psychology*, 55, 893-896.
- McKeown, M. G., dan Beck, I.L., (2004). Direct and rich vocabulary instruction dalam Practice hlm 13-27. New York: Guilford Press.
- Shari Butler, Kelsi Urrutia, Anneta Buenger & Marla Hunt. (2010). A Review of the Current Research on Comprehension Instruction [Review of book Online]. <https://www2.ed.gov>
- Smith, Mark K., dari Infed (2001). David a. Kolb on Experiential Learning. Dipetik pada 25 September 2012 dari <http://www.infed.org/biblio/bexplrn.htm>